

SOALAN NO: 144

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

SOALAN:

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah Kerajaan menyediakan keperluan untuk pelajar lepasan sekolah menengah menjadi pekerja yang berkemahiran dan dapat bersaing dengan pekerja asing.

PR-1352-T00718

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Dalam usaha menyediakan keperluan untuk pelajar lepasan sekolah menengah menjadi pekerja berkemahiran dan dapat bersaing dengan pekerja asing, Kerajaan melalui Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah melaksanakan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) dengan memperkenalkan 3 (tiga) kaedah iaitu, melalui Latihan di Pusat Bertauliahan (PB), Latihan Berorientasikan Industri (SLDN) dan melalui Pentauliahan Pencapaian Terdahulu (PPT).

### **i) Melalui Latihan di Pusat Bertauliahan (PB)**

2. Program latihan kemahiran dijalankan di pusat-pusat bertauliahan JPK bagi bidang dan tahap kemahiran yang tertentu. Pusat Bertauliahan bererti penyedia latihan kemahiran, sama ada institusi latihan atau tempat kerja (*workplace*) yang telah ditauliahkan oleh JPK untuk mengendali latihan kemahiran dan menawarkan Persijilan Kemahiran Malaysia bagi bidang dan tahap kemahiran tertentu berdasarkan NOSS. Sehingga 30 April 2017, JPK telah mentauliahkan 1,213 PB awam dan swasta yang menawarkan 6,954 program latihan kemahiran.

## **ii) Melalui Latihan Berorientasikan Industri (SLDN)**

3. Kaedah latihan perantisan dalam Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dijalankan dalam dua lokasi pembelajaran, tempat kerja yang sebenar dan institut latihan. Program SLDN dikendalikan melalui usaha sama syarikat-syarikat dan institusi-institusi latihan. Seseorang pelatih perlu menjalani 70% latihan amali dalam situasi pekerjaan sebenar, manakala 30% kelas teori dilaksanakan di institut latihan.

## **iii) Melalui Pentauliahan Percapaian Terdahulu (PPT)**

4. Persijilan melalui PPT untuk individu yang berpengalaman tetapi tidak mempunyai pengiktirafan, JPK, KSM juga memperkenalkan satu kaedah yang membolehkan pekerja tersebut dipersijilkan. Kaedah Pentauliahan Pencapaian Terdahulu (PPT) memberi peluang kepada pekerja atau individu yang mempunyai kemahiran dan dapat memenuhi keperluan yang digariskan di dalam Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dipersijilkan. Kaedah ini hanya memerlukan pembuktian dibuat oleh individu tersebut tanpa perlu menghadiri kelas.

5. Bagi memastikan graduan latihan kemahiran sentiasa memenuhi kehendak pasaran pekerjaan, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan kerjasama industri telah membangunkan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) sebagai asas pelaksanaan latihan

kemahiran yang dilaksanakan di sebuah Pusat Bertauliah (PB) JPK. Sehubungan itu, graduan yang keluar daripada institusi kemahiran mempunyai tahap kebolehpekerjaan yang tinggi dalam bidang masing-masing disebabkan latihan yang diterimanya menyamai standard yang dikehendaki oleh industri. Sehingga 30 April 2017 sebanyak 1,852 NOSS yang melibatkan 29 Sektor telah dibangunkan.

Tuan Yang Di Pertua,

6. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Manusia yang mempunyai 32 institut latihan kemahiran membantu negara untuk mencapai 35% tenaga mahir menjelang 2020. Kementerian menawarkan kursus-kursus latihan kemahiran sepenuh masa kepada belia lepasan sekolah. Bidang latihan yang ditawarkan adalah merangkumi bidang kemahiran seperti Kimpalan, Pembuatan, Pengeluaran, Perkhidmatan, Percetakan, Penyelenggaraan Elektrik, Elektronik, Sivil dan ICT dan lain-lain. Latihan kemahiran diberikan adalah komprehensif secara sepenuh masa dan separuh masa bagi melahirkan tenaga mahir yang diperlukan di sektor industri.

7. Dalam tempoh RMKe-10, antara tahun 2011-2015, seramai tiga puluh satu ribu sembilan ratus tiga puluh lima (31,935) pelajar sepenuh masa telah dilatih di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Pada tahun 2016, Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) telah mencapai sasaran dengan melahirkan seramai sepuluh ribu tiga ratus dua puluh (10,320) orang pelatih

sepenuh masa. Di samping itu juga, Jabatan juga menawarkan kursus jangka pendek kepada pekerja sedia ada untuk meningkatkan kemahiran mereka. Pelbagai bidang kemahiran ditawarkan berserta sijil profesional bagi melaksanakan kursus jangka pendek kepada pekerja industri untuk meningkatkan kemahiran dan profesionalisme mereka.

8. Dalam tempoh RMKe-10, seramai 200,695 pekerja telah menyertai kursus ini dalam pelbagai bidang, manakala pada 2016 seramai 42,645 pelatih telah menyertai kursus tersebut.

Tuan Yang Di Pertua,

9. Pelajar lepasan sekolah merupakan salah satu golongan sasaran untuk diberikan pembiayaan di bawah Pinjaman Latihan Kemahiran (PLK) oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Oleh yang demikian, sebanyak 66,700 orang pelatih termasuk pelajar lepasan sekolah akan diberikan PLK sepanjang RMKe-11 ini dengan peruntukan sebanyak RM1 bilion (RM200 juta setiap tahun) iaitu tahun 2016 hingga 2020.